



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	27/11/2019	MUKA SURAT	: 23
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Projek tebatan selesai masalah banjir

Shah Alam: Masalah banjir di jalan Padang Jawa dan Sungai Rasah di sini, berakhir apabila projek tebatan banjir kawasan berkenaan siap sepenuhnya, awal bulan ini.

Menteri Besar Selangor Amirudin Shari berkata, jalan berkenaan adalah lokaliti yang sering ditenggelami air setiap kali hujan lebat.

“Kawasan Padang Jawa dan Sungai Rasah sering ditenggelami air disebabkan kedudukan tanah dan sistem saliran yang kurang berkesan.

“Justeru, kerajaan negeri pada akhir 2014 lalu mula menggerakkan projek ini selepas hampir lima tahun, ia siap dengan kos RM60 juta,” katanya ketika ditemui Harian Metro selepas majlis penyerahan projek tebatan banjir di Sungai Rasah dan Jalan Padang Jawa, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ba-



AMIRUDIN menurunkan tandatangan pada perasmian Penyiapan Projek Cadangan Tebatan Banjir di Padang Jawa, semalam.

tu Tiga, Rodziah Ismail dan Pengerusi Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim serta Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Shahabu-

ddin Mohd Muhayidin.

Amirudin berkata, bagaimanapun projek itu belum selesai sepenuhnya terutama di Taman Rashna kerana terdapat sungai dan ia berada di bawah pengurusan

Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS).

Katanya, pihaknya kini dalam proses menyelesaikan secara keseluruhan termasuk perparitan (Parit Monsun).